

# **KEJOHANAN BOLA KERANJANG SKUADRON/CAWANG PANGKALAN UDARA KUCHING 2019**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5656-kejohanan-bola-keranjang-skuadron-cawang-pangkalan-udara-kuching-2019](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5656-kejohanan-bola-keranjang-skuadron-cawang-pangkalan-udara-kuching-2019)

KUCHING, 19 Nov 19 - Pangkalan Udara Kuching telah mengadakan Kejohanan Bola Keranjang antara Skuadron/Cawang bagi tahun 2019 di Dewan PTI, Pangkalan..

Antara pasukan yang terlibat adalah dari No 1 Skn, No 7 Skn, Skn 330, Cawang Kejuruteraan, Cawang Tadbir, Cawang Materiel, Skuadron 105 Provos dan Cawang Operasi.

Pasukan dari No 1 Skuadron telah memenangi kejohanan dengan perlawanan akhir menentang Cawang Tadbir. Manakala tempat ke-3 disandang oleh Cawang Operasi selepas menewaskan No 7 Skn dalam perlawanan penentuan ke-3 dan ke-4.

Turut hadir menyaksikan perlawanan ialah Komander Pangkalan, Kol Mohd Azwan bin Pohari TUDM, Pegawai Eksekutif Pangkalan, Lt Kol Khir Alauddin Bin Ahmad Basari TUDM, Pegawai Sukan Pangkalan, Mej Mohd Faizal bin Mat Nayan TUDM dan Pegawai Bola Keranjang Pangkalan, Kapt Abdul Hairiey bin Yusoff TUDM.

